



مَجْلِسُ دَائِرَةِ كُوَا مُسَاقِ

MAJLIS DAERAH GUA MUSANG

## **NOTIS PENUTUPAN**

### **SEMUA PREMIS PASARAYA BESAR (HYPERMARKET), PASARAYA (SUPERMARKET), KEDAI SERBANEKA DAN RESTORAN MAKANAN SEGERA SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI**

Adalah dimaklumkan, berdasarkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri Kelantan, Majlis Daerah Gua Musang telah menetapkan supaya semua **Pengusaha Premis Pasaraya Besar (Hypermarket), Pasaraya (Supermarket), Kedai Serbaneka** dan **Restoran Makanan Segera TIDAK DIBENARKAN** menjalankan operasi perniagaan pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri.

Sehubungan dengan itu, pihak Pengusaha dan Pemilik Premis tersebut di atas diingatkan supaya mematuhi arahan dan menutup operasi perniagaan pada hari raya pertama Hari Raya Aidilfitri.

Adalah diingatkan jika mana-mana Pemilik/Pengusaha masih gagal/ingkar/cuai untuk mematuhi notis ini, pihak Majlis boleh mengambil **tindakan Kompaun maksima sehingga RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja)**. Selain itu, **tindakan pendakwaan juga boleh dikenakan Denda maksima sehingga RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu Sahaja) atau penjara selama tidak melebihi (1) tahun atau kedua-duanya sekali** jika sabit kesalahan. Majlis juga boleh membatalkan lesen dan mengambil tindakan lain yang sesuai selaras dengan undang-undang.

Dengan Perintah

**YANG DIPERTUA**  
MAJLIS DAERAH GUA MUSANG